

01/11/2003

Kad ucapan penghargaan KUTKM buat Dr Mahathir

REKTOR Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM), Prof Datuk Dr Ruddin Abd Ghani (empat dari kanan) serta pegawai kolej berkenaan menunjukkan kad ucapan penghargaan yang ditandatangani warga KUTKM untuk diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain itu, warga KUTKM akan menyerahkan kad ucapan tahniah kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengambil alih jawatan Perdana Menteri.

Kad untuk Dr Mahathir itu adalah penghargaan kepada Perdana Menteri yang berkhidmat selama 22 tahun dan tanda sokongan padu kepada Abdullah yang dilantik menerajui negara.

Sejumlah 500 kad ucapan diedarkan kepada semua warga KUTKM dan diserahkan ke Pejabat Perdana Menteri pagi semalam.